

'Nilai budaya Melayu terhakis'

Tokoh akademik beri contoh BM tergugat

BH-4/12/2006

Oleh Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Seorang tokoh akademik, Dr Ahmat Adam berpendapat bahawa perjuangan asal nasionalisme Melayu ketika ini untuk mendapatkan kesaksamaan hak dalam bidang ekonomi terutama bagi golongan yang tercicir dan tertindas, semakin berkurangan akibat krisis nilai dalam budaya orang Melayu sendiri.

Tanpa mengulas lanjut mengenai perkara itu, beliau memberi contoh bahawa yang semakin ketara terhadap bahasa Melayu (BM) sehingga mengugat kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi jelas mengkhianati semangat kebangsaan Melayu.

Berucap ketika membentangkan kertas kertas bertajuk 'Politik Melayu dan Semangat Kebangsaan Melayu', Dr Ahmat berkata, sehingga kini nasionalisme Melayu belum lagi berjaya menjadi asas untuk memimpin ke arah pembentukan suatu nasionalisme Malaysia.

"Perjuangan nasionalisme Melayu itu wujud pada awalnya, disebabkan kehadiran kaum bukan Melayu yang

dilihat sebagai pendatang sebelum beransur-ansur menuntut hak untuk berkongsi di tanah air ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, walaupun ramai beranggapan bahawa perjuangan nasionalisme Melayu itu gagal membentuk sebuah negara Melayu tetapi realitinya, ia masih belum lagi berhenti sehingga kini.

“ Kesedaran sebagai suatu bangsa hanya wujud pada sekitar tahun 1920-an ketika berkembang akhbar dan majalah Melayu yang menonjolkan bahawa orang Melayu ketinggalan”

Dr Ahmat Adam
Tokoh akademik

Beliau berkata, hasrat ingin menjadi tuan di rumah sendiri menyebabkan golongan elit kepimpinan Melayu tidak pernah letih atau kecewa meneruskan agenda perjuangan memastikan kedudukan dan martabat orang Melayu tidak digugat dengan perasaan orang Melayu merasa tidak selamat di tanah airnya.

Katanya, konsep perkongsian kuasa atau politik tawar menawar yang diamalkan pemimpin terdahulu termasuk Datuk Onn Jaafar sendiri masih terus berlaku hingga sekarang.

"Walaupun, Datuk Onn dan Tunku Abdul Rahman berkongsi hasrat yang sama dengan menganggap Malaya adalah negeri orang Melayu dan kerana politik Melayulah yang menjadikan Malaya merdeka, mereka terpaksa akur kepada kehendak British yang mahukan sebuah negara berbilang kaum," katanya.

Dr Ahmat berkata, orang Melayu sendiri perlu sedar bahawa semangat kebangsaan atau nasionalisme Melayu itu tidak akan timbul jika tidak kerana kehadiran bangsa pendatang seperti India dan Cina pada awal penubuhan negara ini.